

## **KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK**

### **FATWA BIL. 8**

#### **PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD DARI PERSPEKTIF FIQH SEMASA**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443H bersamaan 24-25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-118 berkenaan Penentuan Kadar Dua *Marhalah*, *Qaryah* Dan *Balad* dari perspektif fiqh semasa berpandangan seperti berikut:

a) Penetapan kadar dua (2) *marhalah* adalah **sebanyak 81 km** (*taqribi*)

#### **Penetapan Kadar Dua Marhalah**

Berdasarkan Mazhab Syafie, **qasar** solat hanya boleh dilakukan bagi orang yang bermusafir perjalanan yang jauh dan jaraknya **melebihi dua marhalah** pada anggaran jarak **81-89km** **sehala**.

Jarak dua marhalah di dalam ukuran masa kini disebutkan oleh para ulama di dalam kitab sebagai anggaran (*Taqribi*)

Penentuan kadar dua marhalah ***Taqribi*** (anggaran) yang terkini yang telah pun diisytiharkan di negeri Perak adalah pada jarak **81km**. Berkenaan dengan ukuran ini, ia lebih kepada *Taqribi* (anggaran) bukannya ***Tahdidi*** (ketepatan). Maka seseorang **diharuskan** solat **jamak dan qasar jika sudah mencapai dua marhalah** (seperti mana yang telah dinyatakan di atas).

b) Persempadanan dan penentuan *qaryah* adalah berdasarkan persempadanan kariah masjid/surau diri Jumaat (SDJ) yang telah diperaku oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

c) **Harus** menggunakan nilai 11 km (termasuk 81 km) dari titik mula musafir bagi persempadanan *qaryah* dan *balad*.

### Nilaian/Kadar Jarak 11km

**Had sempadan qaryah dan balad** yang dihitung sebagai **titik permulaan** bagi mengharuskan seseorang yang bermusafir mendirikan solat jamak dan qasar adalah **11km**, ini bermakna **jarak 11km** menjadi **kadar penentu** seseorang yang bermusafir **telah pun keluar dari kawasan mukim** (tempat tinggal) nya. Seseorang yang hendak melaksanakan solat jamak dan qasar **haruslah melepasi jarak yang ditetapkan** di atas terlebih dahulu.

Penentuan mengikut kadar 11km daripada titik mula musafir pula adalah berasaskan kepada justifikasi berikut:

Nabi SAW memulakan qasar solat baginda di *Dzu al-Hulayfah* ketika permusafiran baginda dari Madinah ke Mekah. Jarak di antara Madinah dan *Dzu al-Hulayfah* **bukanlah jarak 2 marhalah** akan **tetapi** di dalam perbincangan fiqh ia merupakan **jarak permulaan dibenarkan untuk qasar** solat bagi seseorang musafir. Hadith tersebut seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:-

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا وَبِذِي الْحُلَيْفَةِ رَكْعَتَيْنِ

Maksudnya: “*Daripada Anas bin Malik R.A beliau telah berkata, Aku telah solat zuhur bersama Nabi SAW di Madinah sebanyak empat rakaat, sedangkan ketika di Dzu al-Hulayfah sebanyak dua rakaat.*”

Contohnya:

(Situasi Pertama)

Azizi ingin bermusafir ke suatu tempat yang jaraknya **melebihi 81km sehala**. Apabila perjalanan Azizi telah **melepasi jarak 11km** dari titik mula (tempat mula bermusafir) maka beliau **dibolehkan** solat **jamak taqdim dan qasar** kerana telah keluar melebihi had sempadan qaryahnya.

(Situasi Kedua)

Dalam perjalanan pulang dari permusafiran, Azizi hendak melaksanakan solat secara jamak ta'khir dan qasar. Maka Azizi **seharusnya melaksanakan solat** itu **sebelum memasuki had qaryah dan balad**. Ini bermakna **baki jarak perjalanan** Azizi **mestilah lebih dari 11km** dan

tidak kurang kerana dibimbangi solat yang asalnya hendak dilaksanakan ta'khir, menjadi qada' disebabkan telah memasuki sempadan qaryah dan balad.

Mudah-mudahan pencerahan ini sedikit sebanyak dapat membantu umat Islam dalam melaksanakan rukhsah solat ketika bermusafir. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' 101:

وَإِذَا ضَرَيْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

**Maksudnya:** "Dan jika kamu bermusafir di muka bumi ini, maka tidak berdosa ke atas kamu untuk memendekkan solat (solat empat rakaat dijadikan kepada dua rakaat)".

Tarikh : 25 April 2022  
No. Fail : MN.PK.A351.IST/05/9 JLD.9 (63)  
Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah

  
(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)  
Timbalan Mufti Negeri Perak